

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
(DALAM TALIAN)
SEMESTER II
SESI 2020/2021**

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN PENILAIAN
DALAM PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 20703/ BBD 30202
KOD PROGRAM : BBA, BBB, BBC, BBD, BBE, BBF, BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2021
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI
BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B.
JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT BELAS (14)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

BAHAGIAN A (40 markah)

Bahagian ini mengandungi 40 soalan. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang betul sahaja.

- S1** Berdasarkan Taksonomi Kognitif Bloom (1956), apakah tahap yang merujuk kepada aras kognitif yang meminta pelajar mencantumkan beberapa maklumat atau idea, membuat ramalan, menyelesaikan masalah dan membina sesuatu yang baru?
- A Analisis
 - B Aplikasi
 - C Penilaian
 - D Sintesis
- S2** Ali seorang pelajar yang pandai di dalam kelasnya. Dia sentiasa aktif dan selalu bertanya soalan kepada guru apabila tidak memahami sesuatu. Dalam satu peperiksaan yang dijalankan, di dapati Ali telah menjawab soalan dengan kurang tepat. Semasa guru tersebut menanda jawapan Ali, guru tersebut telah memberikan markah yang tinggi kepada Ali kerana prestasi Ali dalam kelas adalah bagus. Apakah kesan bias yang mempengaruhi guru itu?
- A Kesan horn
 - B Kesan halo
 - C Kesan prestasi
 - D Kesan sendiri
- S3** Sekiranya seseorang penggubal rubrik penilaian memilih untuk menggunakan skala penarafan kepada 3 skala, 5 skala, dan 7 skala maka ia akan membuka ruang kepada
- A kesan tegas /lembut
 - B kesan kecenderungan memusat
 - C kesan sekatan julat
 - D kesan Halo
- S4** Ahmad telah dilantik sebagai penggubal bagi soalan peperiksaan akhir untuk darjah 5 bagi negeri Pahang. Ahmad telah diberikan Jadual spesifikasi Ujian (JSU) sebagai panduan untuk menggubal soalan tersebut. Setelah menggubal soalan tersebut, Ahmad telah dapati bahawa aras soalan yang terdapat di dalam JSU tidak sesuai dengan soalan yang telah digubal oleh beliau. Ahmad telah mengubah JSU untuk menyesuaikan dengan soalan yang telah dibina oleh beliau. Apakah tindakan Ahmad tersebut dibenarkan atau tidak dibenarkan dan kenapa?
- A Di benarkan kerana lebih mudah untuk mengubah JSU berbanding mengubah soalan
 - B Dibenarkan selagi ianya tidak mengancam isi kandungan yang ingin diukur
 - C Tidak dibenarkan kerana menggubal soalan perlu patuh pada JSU yang telah dihasilkan
 - D Tidak dibenarkan kerana soalan boleh dibina dengan merujuk buku rujukan.

- S5 Manakah antara berikut adalah benar mengenai pentaksiran formatif?
- I Tiada nilai gred diberikan kepada pelajar
 - II Penilaian bercorak diagnostik
 - III Berlaku pada sepanjang pembelajaran
 - IV Tujuan untuk penambahbaikan
- A I, II dan III
 - B II, III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D I, III dan IV
- S6 Pentaksiran ini adalah dilakukan secara formal, berbentuk mandatori dan bertujuan untuk memberikan gred serta sijil. Berdasarkan pernyataan tersebut apakah pentaksiran yang dinyatakan di atas?
- A Pentaksiran rujukan kriteria
 - B Pentaksiran sumatif
 - C Pentaksiran formatif
 - D Pentaksiran diagnostik
- S7 Kemampuan yang berhubungan dengan minat dan sikap yang dapat membentuk tanggungjawab, kerjasama, disiplin, komitmen, keyakinan diri, jujur, menghargai pendapat orang lain dan kemampuan mengendalikan diri adalah kemampuan
- A kognitif.
 - B afektif.
 - C psikomotor.
 - D psikologis.
- S8 Apakah kesan fizikal yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa menjalani peperiksaan?
- I Jantung berdebar
 - II Tengokuk tegang
 - III Tangan mengeletar
 - IV Bersemangat menjawab soalan
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

- S9 Jadual S9 menunjukkan skor yang diperoleh Aqil dalam matapelajaran Sejarah dan Matematik.

Jadual S9

	Mata pelajaran	
	Sejarah	Matematik
Markah purata	75	70
Sisihan Piawai	10	15
Skor Markah	75	70

- Pilih jawapan yang paling tepat mengenai keputusan ujian Aqil.
- A Aqil menunjukkan prestasi yang sama dalam matematik dan sejarah
 B Prestasi Aqil dalam Sejarah lebih baik daripada matematik
 C Prestasi Aqil dalam Sejarah tidak berada dalam lingkungan taburan normal
 D Markah Aqil terserak jauh daripada nilai skor $Z=0$.
- S10 Manakah antara berikut merupakan kaedah yang sesuai untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan keobjektifan dalam penandaan soalan subjektif?
- I Menanda mengikut urutan skrip jawapan
 II Tidak mengenal identiti pelajar
 III Memahami tugas soalan dengan jelas
 IV Menggunakan skema holistik
- A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C I dan III sahaja
 D I dan IV sahaja
- S11 Apakah ciri-ciri pemeriksa kertas jawapan yang baik?
- I Pemeriksa kertas jawapan mestilah adil
 II Mesti mematuhi peraturan pemarkahan yang disediakan
 III Perlu tegas (strict) terhadap mutu jawapan pelajar
 IV Perlu lembut (lenient) terhadap mutu jawapan pelajar
- A I dan II sahaja
 B I, II dan IV sahaja
 C I, III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV

TERBUKA


- S12** Mengapa pengukuran afektif agak sukar diukur dibandingkan dengan pengukuran kognitif?
- I Berbentuk pendam
 - II Bersifat psikometrik
 - III Dipengaruhi oleh persekitaran
- A I sahaja
B I dan II sahaja
C II dan III sahaja
D I, II dan III
- S13** Apakah faktor yang boleh mempengaruhi kesahan ?
- I Konsistensi soalan
 - II Kejelasan arahan
 - III Kecakupan kandungan soalan
 - IV Aras kesukaran soalan
- A I, II dan III sahaja.
B I, III dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III, IV.
- S14** Apakah fungsi analisis item ?
- I Menyimpan item yang baik ke dalam bank soalan
 - II Menentukan item yang terlalu senang atau susah
 - III Membaiki semula item-item yang didapati tidak baik
 - IV Mengubah markah pelajar semula kerana didapati ada item yang tidak baik
- A I dan II sahaja
B I, II dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D I, II, III, IV
- S15** Apakah ciri ujian yang menekankan kepada konsistensi keputusan sesuatu ujian?
- A Kesahan
 - B Keobjektifan
 - C Kepenggunaan
 - D Kebolehpercayaan

TERBUKA

- S16** Cikgu Ahmad telah menggubal satu set soalan ujian untuk ditadbirkan di dalam kelasnya bagi topik 1 hingga topik 3 tanpa menggunakan JSU sebagai panduan. Soalan tersebut telah diuji kebolehpercayaan dan di dapati nilai kebolehpercayaannya ialah sebanyak 0.80. Hasil analisis item pula mendapati soalan yang diuji kepada pelajar mempunyai aras kesukaran sebanyak 50% mudah, 40% sederhana dan 10% sukar. Pilih pernyataan paling tepat menggambarkan situasi tersebut.
- A Ujian tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi tetapi kesahannya boleh diragui.
 - B Ujian tersebut mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.
 - C Semua ujian yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dapat mempegaruhi kesahan yang tinggi
 - D Ujian tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang rendah dan kesahan yang rendah.
- S17** Selepas ujian matematik, pelajar tahun 3 mengadu soalan yang diberikan terlalu banyak untuk dijawab dalam masa satu jam dan suasana ujian tidak menyenangkan. Dari aspek apakah ujian tersebut boleh diperbaiki?
- A Kesahan isi
 - B Kebolehtadbiran
 - C Kesahan ramalan
 - D Kebolehpercayaan
- S18** Apakah cara yang paling berkesan mempertingkatkan ciri keobjektifan ujian subjektif?
- A Pemeriksa diberi latihan memeriksa
 - B Menyediakan item yang mudah diperiksa
 - C Ujian diperiksa oleh pemeriksa yang berpengalaman
 - D Pemeriksa mematuhi skema pemarkahan semasa memeriksa
- S19** Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri soalan yang baik?
- A Mencabar minda semua pelajar
 - B Tidak mencampurkan hal-hal politik negara
 - C Penggunaan bahasa yang canggih dan cantik
 - D Menepati aras kesukaran dan kesesuaian dengan pelajar
- S20** Manakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh seseorang guru dalam mentadbir sesuatu ujian?
- A Tentukan tujuan, bina *blue print*, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
 - B Tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, bina *blue print*, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
 - C Tentukan tujuan, bina *blue print*, pilih jenis soalan, sedia soalan, kumpul soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
 - D Bina *blue print*, tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.

- S21** Manakah antara berikut merupakan tujuan pentaksiran prestasi?
- I Mengukur kemahiran yang lebih kompleks
 - II Membuat pentaksiran yang lebih autentik
 - III Memberi peluang guru membuat penilaian secara objektif
 - IV Mengukur prestasi dengan lebih menyeluruh
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S22** Manakah antara berikut merupakan elemen bagi pentaksiran kompetensi?
- I Pengetahuan
 - II Kemahiran
 - III Sikap
 - IV Psikologi
- A I dan II
B I, II dan III
C I, II dan IV
D II, III dan IV
- S23** Apakah yang dimaksudkan dengan deskriptor yang terdapat dalam pentaksiran prestasi?
- A Mengandungi tugas yang spesifik
 - B Penerangan tahap pencapaian yang berbeza
 - C Pemarkahan yang sepadan dengan penerangan
 - D Gerak balas sebenar tugas yang diberi
- S24** Apakah persamaan paling tepat di antara ujian rujukan kriteria dan ujian rujukan norma?
- A Dapat menganalisis kualiti pelajar secara menyeluruh
 - B Merupakan suatu bentuk laporan mengenai prestasi pelajar
 - C Melibatkan kriteria dan individu dalam penilaian
 - D Membezakan antara kebolehan pelajar dan kesukaran item

- S25 Rajah S25 adalah menggambarkan elemen yang ada dalam konsep penajajaran konstruktif.



Rajah S25

Apakah elemen X?

- A Kurikulum
- B Matlamat
- C Objektif pelajaran
- D Hasil pembelajaran

- S26 Apakah konsep asas yang mendasari penajajaran konstruktif?
- I Pelajar membina pengetahuan melalui aktiviti pembelajaran yang aktif yang diberikan oleh guru.
 - II Ianya berkaitan dengan apa yang pelajar buat bukannya apa yang guru buat.
 - III Guru mengambil bahagian utama dalam menyampaikan pengajaran
 - IV Pelajar belajar secara berkumpulan dan bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh guru sahaja

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- S27 Pilih pernyataan yang paling tepat menerangkan tentang kesahan.
- A Kesahan merujuk kepada kecukupan isi dan akibat sebelum pentaksiran.
 - B Kebolehpercayaan adalah lebih penting daripada kesahan sesuatu ujian.
 - C Kesahan adalah berkait rapat dengan konsistensi dan ketekalan ujian.
 - D Kesahan ialah ujian yang mengukur sebagaimana ia sepatutnya mengukur.

- S28 Cikgu Aminah telah membuat analisis terhadap keputusan peperiksaan matematik bagi Kelas A dan Kelas B. Di dapati markah min bagi Kelas A ialah 70 dengan nilai sisihan piawai 3.0, manakala kelas B ialah 70 dengan nilai sisihan piawai ialah 10.

Pilih pernyataan yang paling tepat dengan situasi yang diberikan.

- A Kebolehan pelajar dalam Kelas B lebih pelbagai berbanding pelajar Kelas A.
- B Pelajar Kelas A lebih cemerlang daripada pelajar kelas B.
- C Serakan pelajar Kelas B lebih kecil berbanding Kelas A
- D Markah paling rendah pelajar kelas B ialah 64 dan paling tinggi 76.

- S29** Apakah yang dimaksudkan dengan pengukuran dalam konteks sains sosial?
- A Memerlukan pembolehubah penunjuk sifat yang boleh menterjemahkan perkara yang hendak diukur.
 - B Mempunyai alat yang standard dan boleh berubah mengikut tujuan pengukuran dilaksanakan.
 - C Mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang mudah untuk ditentukan.
 - D Tidak berubah dan tekal serta boleh dipercayai.
- S30** Abdullah ingin mendapatkan maklumat berkenaan dengan pendapatan ibu bapa kepada pelajar dalam bidang kejuruteraan awam di Fakulti Alam Sekitar. Manakah antara skala pengukuran yang paling sesuai digunakan oleh Abdullah dalam mendapatkan maklumat tersebut?
- A Nominal
 - B Ordinal
 - C Interval
 - D Nisbah
- S31** Manakah antara berikut **BENAR** mengenai pembinaan item objektif aneka pilihan?
- A Sesuatu item soalan mesti mengandungi stem, stimulus, kunci jawapan dan distraktor .
 - B Dibina untuk menguji kandungan pelajaran yang terhad dan pelajar yang ramai.
 - C Mudah dibina dan memerlukan kemahiran dalam penggubalan soalan.
 - D Soalan tidak boleh diambil dalam buku teks sebaliknya perlu dibina sendiri.
- S32** Apakah kepentingan konsep taburan normal dalam sesuatu pengukuran?
- A Menentukan pengukuran yang sah dan boleh dipercayai
 - B Mengetahui kebolehtadbiran ujian dengan kebolehan pelajar
 - C Membolehkan moderasi dilaksanakan pada markah pelajar
 - D Menentukan kesesuaian ujian yang dilaksanakan dengan kumpulan pelajar
- S33** Soalan berikut adalah berdasarkan maklumat di bawah.

“Ali tidak dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik. Beliau tidak dapat mengenali huruf konsonen a,e,i,o dan u dengan baik.”

- Situasi dalam maklumat yang diberikan di atas adalah merujuk kepada ujian
- A rujukan standard
 - B rujukan prestasi
 - C rujukan kriteria
 - D rujukan norma

S34 Antara berikut yang manakah menunjukkan perbezaan yang tepat di antara kaedah pemarkahan holistik dengan kaedah pemarkahan analitik?

	Pemarkahan holistik	Pemarkahan analitik
A	Sesuai untuk pemeriksa yang berpengalaman	Sesuai untuk pemeriksa baru dan kurang pengalaman
B	Mempunyai kriteria yang terperinci	Mempunyai kriteria yang umum dan menyeluruh
C	Mengambil masa yang lama untuk memeriksa skrip	Mengambil masa yang sekejap untuk memeriksa skrip
D	Bertujuan untuk memberi maklumbalas kepada ibubapa	Bertujuan untuk memberi maklumbalas kepada pelajar

S35 Manakah antara berikut paling tepat untuk meningkatkan kesahan bagi pentaksiran prestasi?

- A Memastikan rubrik perlu diketahui pelajar sebelum penilaian dilakukan
- B Menyediakan rubrik pentaksiran berdasarkan apa yang sepatutnya diukur
- C Menggunakan rubrik analitik berbanding holistik agar lebih teliti dalam penilaian
- D Menyediakan soalan yang sesuai dengan aras agar dapat mencapai objektif pembelajaran

S36 Soalan berikut adalah berkenaan dengan set data dibawah:

70, 50, 54, 46, 48, 70, 90, 54, 64, 75, 50, 64, 75, 60, 70, 64

Manakah pernyataan paling tepat menerangkan data tersebut?

- A Set data mentah
- B Set data ordinal
- C Data sedia untuk dianalisis
- D Data awal skor pelajar

S37 Semasa pandemik Covid 19, Seorang pensyarah ingin menjalankan peperiksaan akhir secara dalam talian terhadap 100 orang pelajar bagi kursus falsafah pendidikan yang berjumlah 3 jam kredit. Di antara berikut manakah tempoh dan jenis penilaian yang paling sesuai dijalankan oleh pensyarah tersebut?

- A Empat soalan esei dalam tempoh tidak melebihi 3 jam
- B Peperiksaan bawa pulang (open book) dengan peruntukan masa selama 24 jam.
- C Menyediakan 30 soalan aneka pilihan dan 2 soalan esei dalam tempoh 2 jam.
- D Menyediakan 40 soalan aneka pilihan dan dua soalan esei tidak melebihi 3 jam.

- S38** Apakah tujuan jadual taburan kekerapan disediakan bagi satu set data?
- A Memudahkan membuat analisis dan tafsiran
 - B Memudahkan proses semakan data dibuat
 - C Mengesahkan data yang diperoleh
 - D Membina data data lain yang bersesuaian

- S39** Manakah antara berikut **SALAH** tentang Skor $Z=0$?

- A Sama dengan Skor $T= 50$
- B Merupakan nilai minimum bagi sesuatu markah
- C Skor markah dengan nilai min yang sama
- D Markah yang paling rendah

- S40** Soalan S40 berdasarkan pernyataan berikut:

Proses memeriksa skrip ujian oleh pemeriksa adalah seperti berikut:

- Pemeriksa membaca skema berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- Kemudian memberi gred berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- Akhirnya membaca skrip sekali lagi untuk membuat pengubahsuaian.

Apakah kaedah pemeriksaan yang digunakan oleh guru tersebut?

- A Analitik
- B Holistik
- C Realistik
- D Idealistik

TERBUKA

BAHAGIAN B (60 markah)

Jawab semua soalan yang diberikan. Calon diingatkan untuk membaca dengan teliti kata tugas yang digunakan sebelum menjawab soalan.

- S41** Berdasarkan kepada maklumat yang terdapat dalam Lampiran A, anda dikehendaki untuk menghasilkan
- (a) Graf bar yang lengkap bagi aras kesukaran item. (5 markah)
 - (b) Graf bar yang lengkap bagi indeks diskriminasi item. (5 markah)
 - (c) Jadual rumusan keputusan setiap item. (10 markah)
 - (d) Laporan bagi:
 - (i) Aras kesukaran berdasarkan graf yang telah dibina pada S41(a). (10 markah)
 - (ii) Indeks diskriminasi berdasarkan graf yang telah dibina pada S41(b). (10 markah)
 - (iii) Kualiti item yang telah dibina, kaitkan dengan prosedur pembinaan item, teori pengukuran, kesahan dan kebolehpercayaan. (20 markah)

- SOALAN TAMAT -

Jadual S41 (i) Pentafsiran Aras Kesukaran

INDEKS KESUKARAN	PENTAFSIRAN ITEM	KEPUTUSAN
0%	Terlalu Sukar	Buang/Ubahsuai
1% - 30%	Sukar	Terima
31% - 69%	Sederhana	Terima
70% - 99%	Mudah	Terima
100%	Terlalu Mudah	Buang/ Ubahsuai

Jadual S41 (ii) Jadual Pentafsiran Indeks Kesukaran

INDEKS DISKRIMINASI	PENTAFSIRAN ITEM
0.40 dan ke atas	Sangat baik
0.30 – 0.39	Baik dan boleh diperbaiki
0.20 – 0.29	“Marginal” perlu dibaiki
0.19 ke bawah	Lemah, tidak boleh diterima atau perlu semakan semula

Jadual S41(iii) Hasil Analisis Item

ITEM UJIAN	ARAS KESUKARAN	INDEKS DISKRIMINASI				ANALISIS PENGGANGGU
		W	X	Y	Z	
ITEM 1	Sederhana				/	Baik
ITEM 2	Mudah			/		Baik
ITEM 3	Mudah				/	Baik
ITEM 4	Sederhana	/				A & B - tidak dipilih oleh kedua dua kumpulan
ITEM 5	Mudah		/			C- terlalu ramai dipilih oleh kumpulan tinggi
ITEM 6	Mudah				/	Baik
ITEM 7	Sederhana	/				Baik
ITEM 8	Terlalu Mudah	/				A,B,C- tidak dipilih oleh kedua-dua kumpulan
ITEM 9	Terlalu Mudah	/				A,B,D- tidak dipilih oleh kedua-dua kumpulan
ITEM 10	Terlalu Mudah			/		C,D,A- tidak dipilih oleh kedua-dua kumpulan
ITEM 11	Terlalu Mudah	/				A,B,C- tidak dipilih oleh kedua-dua kumpulan
ITEM 12	Sukar		/			Baik
ITEM 13	Terlalu Mudah	/				B,C,D- tidak dipilih oleh kedua-dua kumpulan
ITEM 14	Terlalu Mudah	/				A,B,C- tidak dipilih oleh kedua-dua kumpulan
ITEM 15	Mudah			/		Baik
ITEM 16	Mudah				/	Baik
ITEM 17	Terlalu Mudah	/				A,B,C- tidak dipilih oleh kedua-dua kumpulan
ITEM 18	Mudah	/				D- diskriminasi negatif
ITEM 19	Terlalu Mudah		/			A,B,C- tidak dipilih oleh kedua-dua kumpulan
ITEM 20	Mudah			/		Baik

PETUNJUK:

Keterangan ID	
W	0.19 ke bawah
X	0.20 - 0.29
Y	0.30 - 0.39
Z	0.40 ke atas

TERBUKA